

7.6 Garis Panduan Papan Tanda Projek Penyelidikan dan Komuniti



Maklumat penerangan yang perlu disertakan (mengikut keperluan)

1. Lambang Korporat UPM dan Ikon PUTRA hendaklah ditempatkan di bahagian atas papan tanda, diikuti dengan logo agensi kerjasama (sekiranya ada).
2. Nama projek penyelidikan/ komuniti dan nama penyelidik hendaklah dipaparkan di bahagian tengah papan tanda menggunakan fon Arial. Saiz fon boleh disesuaikan mengikut keperluan reka bentuk dan saiz papan tanda.
3. Logo penaja (sekiranya ada) hendaklah diletakkan di bahagian bawah.
4. Bahagian *footer* hendaklah mengandungi *tagline* dan moto UPM, pautan media sosial rasmi UPM, serta logo Sustainable Development Goals (SDGs) yang bersesuaian dengan projek penyelidikan berkenaan.

Untuk menjaga suasana inklusif dan fokus kepada tujuan penyelidikan serta komuniti, elakkan penggunaan logo parti politik pada papan tanda.